



KEMENTERIAN KERJA RAYA

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KENYATAAN MEDIA BERSAMA

MALAYSIA BIM DAY 2026: PACU TRANSFORMASI DIGITAL SEKTOR PEMBINAAN DAN PENGURUSAN BANDAR

Hala Tuju BIM Putrajaya 2050 dan myBIM Satellite Putrajaya Dilancarkan

15 September 2026

PUTRAJAYA - Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR) serta CIDB Digital Sdn. Bhd., menganjurkan Malaysia BIM Day 2026: Putrajaya Digital Built pada 14 dan 15 September 2026 di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

2. Bertemakan “BIM Beyond Design”, persidangan ini mengetengahkan penerapan Building Information Modelling (BIM) melangkaui reka bentuk dan pembinaan kepada keseluruhan kitar hayat aset, termasuk perancangan, operasi, penyelenggaraan dan pengurusan aset.

3. Majlis kemuncak telah disempurnakan bersama oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato’ Sri Alexander Nanta Linggi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh yang mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam mempercepat transformasi digital sektor pembinaan dan persekitaran binaan negara.

4. YB Dato’ Sri Alexander Nanta Linggi berkata transformasi digital industri pembinaan bukan lagi satu pilihan, sebaliknya satu keperluan dan agenda nasional bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kualiti penyampaian projek.

5. “BIM perlu berkembang daripada sekadar teknologi kepada budaya kerja yang menyokong perancangan, pembinaan dan pengurusan aset secara lebih bersepadu, cekap dan mampan. AI, automasi, analitik data dan teknologi baharu perlu dimanfaatkan bagi memperkukuh proses membuat keputusan, mengurangkan pembaziran serta meningkatkan prestasi projek.”

6. "Kejayaan transformasi ini memerlukan ekosistem digital yang bersepadu, modal insan berkemahiran serta kerjasama erat antara Kerajaan, industri, badan profesional, akademik dan penyedia teknologi. Industri pembinaan Malaysia perlu bergerak daripada pendekatan *project-centric* kepada *asset-centric*," kata beliau.
7. Beliau turut menegaskan bahawa KKR bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menggalakkan penggunaan BIM secara inklusif, termasuk dalam kalangan kontraktor berskala sederhana dan kecil.
8. YB Hannah Yeoh pula berkata pembangunan Putrajaya sebagai bandar pintar perlu bergerak melangkaui penggunaan teknologi semata-mata kepada bagaimana teknologi dapat meningkatkan cara bandar dirancang, dibangunkan dan diurus.
9. "Putrajaya dibina sebagai sebuah bandar terancang. Cabaran kita sekarang ialah memastikan Putrajaya terus berkembang sebagai bandar yang lebih pintar, cekap dan responsif kepada keperluan rakyat. BIM memberi kita keupayaan untuk bukan sahaja merancang apa yang kita bina, tetapi juga bagaimana aset bandar diurus dengan lebih baik sepanjang kitar hayatnya."
10. "Teknologi bukan matlamat akhirnya. Yang penting ialah bagaimana kita menggunakannya untuk membuat keputusan yang lebih baik, mengurangkan pembaziran, meningkatkan kecekapan dan akhirnya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Saya mahu Putrajaya menjadi tempat kita melaksana dan membuktikan pendekatan ini secara nyata," katanya.
11. Malaysia BIM Day 2026 menghimpunkan kira-kira 600 peserta daripada agensi Kerajaan, industri, pemaju, kontraktor, golongan profesional, institusi akademik dan syarikat teknologi, selain menampilkan 35 pempamer. Persidangan memberi tumpuan kepada empat bidang utama, iaitu Policy, Leadership & Governance; Digital Project Delivery; AI & Emerging Technologies; serta Digital Twin & Smart Asset.
12. Dalam memperkukuh ekosistem BIM negara, Hala Tuju BIM Putrajaya 2050 dilancarkan sebagai kerangka jangka panjang bagi memperluas penggunaan BIM dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan aset Putrajaya secara bersepadu.

13. Turut dilancarkan myBIM Satellite Putrajaya sebagai platform latihan, pembangunan kompetensi dan perkongsian pengetahuan BIM bagi warga kerja Kerajaan serta pemain industri.

14. Penerapan BIM bersama teknologi seperti AI, Digital Twin, IoT dan teknologi geospacial diyakini dapat meningkatkan kecekapan serta menangani cabaran industri seperti ketidakselarasan data, pertindihan kerja, kelewatan projek, peningkatan kos dan pengurusan aset yang tidak bersepadu.

15. Penganjuran ini turut memperkukuh kedudukan Putrajaya sebagai platform bagi menguji, melaksana dan mempamerkan penyelesaian digital dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar serta membuka ruang kepada kepakaran tempatan diketengahkan ke peringkat serantau dan antarabangsa.

DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

